



MALAYSIA SDG SUMMIT 2023:
NORTHERN REGION
SIDANG KEMUNCAK PEMBANGUNAN
MAMPAN 2023: WILAYAH UTARA

16 NOVEMBER 2023 | 9.00 AM – 5.30 PM
CHANCELLOR HALL, UNIVERSITI TEKNOLOGI
PETRONAS (UTP), PERAK
sdgsummit@ncer.com.my

EKONOMI

Kata Kunci

CAGAMAS RAIH DANA RM4.8 BILION PADA OKTOBER, ANGKA TERTINGGI SETAKAT TAHUN INI



Cagamas Bhd

06/11/2023 05:36 PM

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) – Cagamas Bhd berjaya memuktamadkan terbitan bernilai RM4.8 bilion pada Oktober lepas, angka bulanan tertinggi bagi tempoh setakat tahun ini.

Penerbitan itu merangkumi masing-masing kertas komersial Islam tiga bulan bernilai RM180 juta; Nota Jangka Sederhana Islam pelbagai tempoh RM3.5 bilion; Nota Jangka Sederhana Konvensional pelbagai tempoh RM465 juta; Nota Jangka Sederhana S\$150 juta (bersamaan RM520 juta) dan RM158 juta menerusi saluran pembiayaan lain, kata perbadanan cagaran nasional itu dalam kenyataan hari ini.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya Kameel Abdul Halim berkata dana yang dikumpulkan daripada terbitan itu digunakan bagi membiayai pembelian perumahan Islam dan pinjaman perumahan konvensional daripada institusi kewangan domestik.

“Kejayaan pemuktamadan aktiviti pengumpulan dana yang kami jalankan pada Oktober di tengah-tengah ketidakpastian pasaran pendapatan tetap global serta ketegangan geopolitik yang meruncing, membuktikan komitmen Cagamas bagi menyokong sistem kewangan domestik.

Kameel berkata permintaan kukuh daripada kalangan pelabur asing dan tempatan juga membolehkan Cagamas menawarkan harga terbitan yang kompetitif dan melebihi Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Bagi tempoh setakat tahun ini, Cagamas telah berjaya mengumpulkan agregat dana berjumlah RM24.03 bilion.

"Bon dalam denominasi dolar Singapura yang diterbitkan menerusi anak syarikat milik penuh, Cagamas Global PLC juga dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas.

"Selain itu, terbitan ringgit yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang kelak, merupakan obligasi tidak bercagar syarikat dengan kedudukan setara (pari passu) dengan semua obligasi tidak bercagar syarikat ini yang sedia ada," katanya.

Cagamas yang ditubuhkan pada 1986, bertujuan menggalakkan tebaran pemilikan rumah dengan lebih meluas selain pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di negara ini.

Model Cagamas turut diakui oleh Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya.

Pada masa sama, Cagamas juga adalah penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas kerajaan Malaysia dan penerbit terbesar bon korporat serta sukuk AAA di pasaran.

– BERNAMA